

KENYATAAN PERUNDING BIL. 4/2025

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN DAN HARGA DOKUMEN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP (12:00pm)	SYARAT UTAMA PELAWAAN
2025/G004	Perkhidmatan Profesional Bagi Kajian Geoteknik Struktur Tanah Di Jalan-Jalan Utama Sekitar Segi Tiga Emas Kuala Lumpur Harga Dokumen RM1,000.00	Berdaftar Dengan KKM : 330101 Kejuruteraan Awam Dan 330109 Kejuruteraan Geoteknik	17 September 2025 (Rabu)	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang ditetapkan. 2. Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia di bawah kod bidang berkaitan. 3. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Jurutera Malaysia masih sah. 4. Berdaftar dalam sistem e-perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tempoh pendaftaran masih sah.
2025 / G005	Perkhidmatan Profesional Perunding Untuk Projek Penyediaan Garis Panduan Penjenamaan Semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Harga Dokumen RM100.00	Berdaftar Dengan KKM : i. 340101 – Kajian Organisasi dan / atau ii. 340105 – Kajian Pemasaran & Penyelidikan dan / atau iii. 340109 – Kajian Pengurusan Nilai	10 September 2025 (Rabu)	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan. 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah. 3. Berdaftar dalam sistem e-perolehan

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN DAN HARGA DOKUMEN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP (12:00pm)	SYARAT UTAMA PELAWAAN
		Bukan Fizikal		Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tempoh pendaftaran masih sah.

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah **mendaftar** terlebih dahulu secara atas talian di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan **maklumat syarikat** lengkap diisi dan **sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** beserta **Lampiran A** yang dimuatnaik di e-perolehan DBKL masih berkuatkuasa semasa permohonan dibuat.
2. Pendaftaran pembekal baharu perunding akan dikenakan caj sebanyak **RM100.00 setahun**. Pembelian dokumen tender boleh dibuat setelah pengesahan pendaftaran dan bayaran pendaftaran pembekal telah dijelaskan. **Bayaran pendaftaran pembekal baharu perunding** dan **penjualan dokumen tender** akan dijalankan secara **atas talian** sahaja.
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah disediakan sebanyak **satu (1) salinan** setiap satu dan dimasukkan ke dalam **sampul surat berasingan** yang **berlakri** dan ditandakan '**Nama Projek Dan Cadangan Teknikal**' dan '**Nama Projek Dan Cadangan Kos**' di setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur**.
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan** seperti alamat di atas tidak lewat dari **jam 12:00 tengah hari** pada tarikh tutup iklan. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
6. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sistem eperolehan DBKL.

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 25 Ogos 2025

Laman Web : www.dbkl.gov.my

<https://eperolehan.dbkl.gov.my/>